

31 OCT 2002

S'pura-Air/I

S'PURA AKAN CABAR TINDAKAN MALAYSIA SEMAK SEMULA HARGA AIR

Oleh: Salbiah Said

SINGAPURA, 31 Okt (Bernama) -- Singapura berkata ia terpaksa mencabar setiap aspek daripada dakwaan Malaysia berhubung hak menyemak semula harga air mengikut Perjanjian Air 1961 dan 1962 antara kedua-dua negara.

Menteri Luar S.Jayakumar memberitahu Parlimen hari ini bahawa republik tetap dengan pendiriannya bahawa Johor sepatutnya menggunakan klausa semakan semula pada 1986 dan 1987, dan Johor telah hilang haknya untuk membuat semakan semula.

"Sekiranya Malaysia bertegas ingin membuat semakan semula di luar pakej berkenaan, Singapura terpaksa mencabar setiap aspek daripada dakwaan Johor itu," katanya.

Beliau berkata Malaysia bertegas bahawa Johor tidak kehilangan haknya untuk membuat semakan semula itu dan perkara berhubung semakan semula harga perlulah dibincangkan antara kedua-dua pihak, tapi bukan sebagai sebahagian daripada pakej dua hala.

Jayakumar berkata kedua-dua perjanjian itu menyediakan peruntukan bagi semakan semula harga air selepas 25 tahun, dan beliau seterusnya mengulangi pendirian kerajaan bahawa sekiranya Malaysia ingin mengadakan semakan semula harga, ia sepatutnya dibuat pada 1986 dan 1987.

Mengenai bekalan air pada masa akan datang, beliau berkata Malaysia membayangkan bahawa perbincangan secara terperinci (berhubung perjanjian baru air) perlu dibuat dua tahun sebelum berakhirnya tempoh Perjanjian 1962.

"Bagi Singapura, unsur paling utama dalam pakej itu ialah bekalan air secara jangka panjang. Untuk mengatakan bahawa kita perlu berunding tentang isu ini hanya pada 2059, adalah tidak realistik dan menunjukkan mereka tidak serius," kata Jayakumar.

Dalam penjelasannya kepada Parlimen tentang mesyuarat peringkat pegawai yang diadakan pada 16 dan 17 Okt di Johor Baharu, beliau berkata Malaysia hanya bersedia berbincang mengenai semakan semula harga air mentah sekarang, "seperti yang terbukti daripada kata-kata yang terkandung dalam agenda dan sepanduk mereka."

Jayakumar berkata bahawa pada mesyuarat itu, Malaysia mengemukakan formula harga yang sama seperti yang dikemukakannya pada mesyuarat kedua peringkat menteri pada 2 dan 3 Sept di Singapura.

"Kita mengambil pendirian bahawa Malaysia sudah kehilangan haknya untuk membuat semakan semula, dan sekalipun Singapura bersetuju menimbang semakan semula itu, ia akan didasarkan kepada peruntukan atau faktor yang tersenarai dalam klausa semakan semula berkenaan."

Katanya pihak Malaysia tidak dapat memberi alasan kukuh berhubung formula harga yang mereka kemukakan bagi air yang dibekalkan sekarang mengikut klausa semakan semula yang terkandung dalam perjanjian air sedia ada.

"Kita mengingatkan Malaysia bahawa peruntukan yang terkandung dalam perjanjian itu membenarkan semakan semula air dibuat berpandukan kenaikan/kejuatan kuasa membeli yang terdapat pada wang dan kenaikan/kejuatan kos tenaga buruh, kuasa dan bahan bagi tujuan membekalkan air tetapi tidak terdapat peruntukan bagi pembayaran retrospektif (dikebelakangkan)."

Jayakumar berkata oleh kerana Lembaga Utiliti Awam Singapura (PUB) menanggung semua kos itu, satu-satunya faktor yang relevan mengenainya ialah perubahan kuasa membeli yang terdapat pada wang.

"Dengan menggunakan MCPI (Indeks Harga Pengguna Malaysia), kita membuat

pengiraan bahawa harga yang disemak semula bagi air mentah tidak akan melebihi 12 sen bagi setiap seribu gelen. Namun demikian, kita telah nyatakan dengan jelas bahawa 12 sen itu bukanlah satu tawaran tapi satu perkiraan berdasarkan klausa semakan semula berkenaan," katanya.

Beliau berkata, pihak Malaysia bertanya sama ada Singapura akan menimbang untuk membayar lebih daripada kadar 12 sen itu. "Mereka kata, sebelum ini Singapura pernah menawarkan 45 sen. Kita kata, Singapura tidak boleh melanggar klausa semakan semula itu dan kita tidak mempunyai ruang untuk mengadakan sebarang konsesi kerana pakej itu sudah tiada berikutan surat yang dihantar oleh Perdana Menteri (Datuk Seri Dr) Mahathir (Mohamad) bertarikh 7 Okt."

Mengenai air yang dirawat, beliau berkata Singapura memaklumkan kepada Malaysia bahawa "sekiranya kami menggunakan MCPI bagi menyemak semula harga air yang dirawat, kami akan mendapat angka lebih kurang RM2 bagi setiap seribu gelen. Sekali lagi, kita nyatakan dengan jelas bahawa ini bukan satu tawaran. Ia adalah kiraan kita berdasarkan terma yang terkandung dalam klausa semakan semula."

Menjelaskan tentang bekalan air selepas tahun 2061, Jayakumar berkata Malaysia tidak berminat atau serius untuk mengadakan perbincangan secara mendalam.

"Mereka (pegawai Malaysia) terus berpegang kepada pendirian bahawa kedua-dua pihak boleh membincangkan isu itu dua tahun sebelum berakhirnya tempoh Perjanjian 1962. Kita tegaskan bahawa ini bukan satu cadangan realistik.

"Pendirian kita ialah bekalan air sekarang dan masa akan datang mempunyai kaitan dan kita tidak boleh membincangkan semakan semula harga air semasa dan akan datang hanya pada 2059," katanya.

Beliau berkata sukar bagi Singapura untuk bersetuju dengan cadangan Malaysia kerana republik itu perlu merancang keperluan airnya secara jangka panjang, jauh lebih awal.

Singapura, katanya, perlu menangani secara teliti isu-isu kompleks yang mempunyai kaitan dengan perjanjian air pada masa akan datang termasuk pengurusan permintaan air, pembinaan keupayaan dan kemajuan teknologi.

Menyentuh hak di sisi undang-undang, beliau berkata: "Kita dimaklumkan bahawa mereka (Malaysia) tidak mempunyai asas daripada segi undang-undang. Saya tidak mahu memperkatakan dengan mendalam tentang semua hujah daripada segi undang-undang. Tapi, biarlah saya katakan bahawa kita telah mendapatkan nasihat daripada segi undang-undang."

"Sebab itulah kita katakan mereka sudah kehilangan hak daripada segi undang-undang. Dan sekalipun mereka mempunyai hak untuk menyemak semula harga air sekarang, tidak terdapat asas daripada segi undang-undang dalam perjanjian berkenaan untuk meminda tarikhnya ke belakang. Kita juga menyatakan bahawa sekalipun dibuat sebarang semakan semula, ia mestilah secara logik turut meliputi air yang dirawat.

"Pendirian kita berhubung semakan semula harga adalah jelas. Malaysia sudah hilang haknya untuk membuat semakan semula. Jika Malaysia mendakwa ia mempunyai hak untuk menggunakan klausa semakan semula itu sekarang, kita akan lawan," kata Jayakumar.

-- BERNAMA

SS RM SP MAI